Januari 2026 | Bil. 01/2026 https://appgm-sdg.com

BULETIN

Memajukan Pembangunan Sosial Melalui Pemerkasaan Komuniti

APPGM-SDG

2026 DAN SDG:

PELUANG BAHARU UNTUK IMPAK AKAR UMBI

YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis@Fakharudy
Pengerusi Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Kota Belud

KANDUNGAN

Kolum Dari Parlimen ke Akar Umbi

2026 dan SDG: Peluang Baharu untuk Impak Akar Umbi 03

Suara dari Akar Umbi

Projek Peningkatan Celik IT di Sk. Magandai, Kota Marudu, Sabah: Pendidikan, Cabaran, dan Harapan 04

Suara dari Akar Umbi

Enam Tahun Transformasi: Perjalanan Rakan Solusi di Kampung Ulu Benut 06

Sorotan Acara

Pengalaman dalam Penempatan SDG, Pencapaian & Cabaran Masa Lalu 08

Sorotan Acara

Bengkel Penyelidikan CCD APPGM-SDG 09

Sorotan Acara

Wajah-Wajah Kemiskinan: Refleksi & Dapatan daripada Kajian MPI 10

Sorotan Acara

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) melalui Lensa Agama 11

Sorotan Acara

Pelancaran Kertas kajian Program 'Case Study Small Grants (CSSG) for Young Researchers' 12

Ahli Parlimen Turun Padang 13

Pengumuman 14

Pasukan Editorial:

Penyunting	Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Pereka Kulit dan Pereka Susun Atur	Kezia Sim Kui Ting Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Ikuti Kami untuk Maklumat Lanjut

@APPGMSDGMY

APPGM-SDG Secretariat

@appgm_sdg

@appgmsdg

1

2026 DAN SDG: PELUANG BAHARU UNTUK IMPAK AKAR UMBI

Oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis@Fakharudy
(Pengerusi Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Kota Belud)

Melangkah ke tahun 2026, kita kini berada di saat yang menentukan perjalanan kolektif kita ke arah pembangunan mampan. Dengan hanya berbaki empat tahun untuk memenuhi Agenda 2030, "Dekad Tindakan" bukan lagi satu tarikh akhir yang jauh—ia adalah realiti yang sedang kita lalui sekarang. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG), saya berbesar hati untuk memulakan buletin APPGM-SDG tahun ini dengan tumpuan baharu terhadap teras misi kita: komuniti akar umbi. Tahun ini, buletin kita tampil dengan wajah yang berbeza, menghubungkan Ahli-ahli Parlimen dengan komuniti akar umbi, serta mengutamakan kisah-kisah nyata daripada rakyat dan sorotan aktiviti kita di lapangan.

Melihat kembali kemajuan kita, Malaysia telah menunjukkan momentum yang signifikan dalam perjalanan pembangunannya. Menurut Semakan Kebangsaan Sukarela (VNR) 2025, komitmen teguh negara terhadap Agenda 2030 telah menghasilkan anggaran 43% sasaran kita kini berada di landasan yang betul untuk disiapkan menjelang tarikh akhir. Secara ketara, kemajuan ini jauh mengatasi purata global sebanyak 17%, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam pembangunan mampan di rantau ini. Di peringkat nasional, kita telah melihat insiden kemiskinan menurun daripada 6.2% pada 2022 kepada 5.1% pada 2024 (DOSM), manakala kadar pengangguran juga berkurang daripada 4.6% pada 2020 kepada 3.4% pada 2023. Walau bagaimanapun, perspektif dari "Akar Umbi" mengingatkan kita bahawa statistik hanyalah separuh daripada cerita yang sebenar.

Di Sabah, landskapnya kekal unik dan mencabar. Walaupun kita telah melihat penambahbaikan yang membanggakan dalam ketersambungan internet asas dan kesihatan ibu, kita terus menghadapi rintangan besar berkaitan Matlamat 1 (Tiada Kemiskinan) dan Matlamat 9 (Industri, Inovasi, dan Infrastruktur). Kemiskinan luar bandar di negeri kita kekal tinggi secara berterusan berbanding purata nasional (DOSM). Realiti ini menjadi peringatan bahawa janji "tiada siapa yang ketinggalan" mestilah bermula dari kampung-kampung yang paling terpencil di kawasan parlimen seperti kawasan saya di Kota Belud. Kita tidak boleh mendakwa kejayaan nasional jika komuniti tempatan kita masih bergelut untuk keperluan asas.

Melalui ruangan ini, "Dari Parlimen ke Akar Umbi" yang menampilkan penulisan Ahli-ahli Parlimen setiap bulan, ia mencerminkan komitmen kami untuk merapatkan jurang antara dewan penggubalan dasar di Dewan Rakyat dengan kehidupan seharian komuniti akar umbi. Kita melangkaui pelaporan ke arah pemerkasaan komuniti yang mendalam dan terinstitusi.

Harapan saya untuk tahun ini adalah untuk melihat Juara SDG muncul dari setiap daerah. Kita tidak lagi mencari "penerima" bantuan; sebaliknya kita mencari rakan kongsi dalam kemajuan. Melalui suara-suara nyata dan tulen yang dipaparkan dalam buletin ini, kami menyasarkan untuk menyelaraskan statistik rasmi dengan pengalaman sebenar rakyat. Matlamat kami adalah untuk memperkasakan anda bagi menyelesaikan isu tempatan menggunakan kebijaksanaan tempatan, bagi memastikan pembangunan bukan sekadar arahan dari atas ke bawah, tetapi sebuah gerakan dari bawah ke atas. Bagi APPGM-SDG, tahun 2026 ditakrifkan dengan memajukan pembangunan sosial melalui pemerkasaan komuniti, mengubah tanggungjawab bersama kepada daya tahan tempatan. Perjalanan menuju 2030 adalah curam, tetapi apabila kita melangkah bersama, dari Parlimen ke Akar Umbi, tiada puncak yang tidak boleh dicapai.

2 PROJEK PENINGKATAN CELIK IT DI SK. MAGANDAI, KOTA MARUDU, SABAH: PENDIDIKAN, CABARAN, DAN HARAPAN

4 PENDIDIKAN BERKUALITI

10 MENGURANGKAN KETIDAKSAMARATAAN

Projek ***Enhancing Digital Literacy among Primary 6 Students*** dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Magandai, Kampung Sungai Magandai, dari November 2024 hingga Mac 2025, bertujuan meningkatkan literasi digital dan kemahiran IT murid Tahun 6 di kawasan pedalaman. IDS Consultancy Sdn. Bhd. dipilih sebagai rakan solusi manakala dana disediakan oleh APPGM-SDG. Projek ini melibatkan 15 murid Tahun 6 dan membolehkan mereka menerima peluang pendidikan digital berkualiti walaupun berdepan cabaran logistik.

Hasrat dan Keputusan Pelaksanaan

Saya telah lama berhasrat untuk menyumbang kepada komuniti Sonsogon sejak 2016. Hasrat ini tercapai pada 2024 apabila APPGM-SDG menjalankan pemetaan isu di kawasan tersebut dan membuat keputusan untuk melaksanakan program di SK Magandai, walaupun sedar dengan cabaran kos pengangkutan tinggi dan akses yang sukar.

Cabaran Logistik dan Persekitaran

Jarak perjalanan dari Kota Marudu ke Sekolah dianggarkan dalam 70km dan masa perjalanan berrgantung kepada cuaca dan keadaan jalan. Ianya boleh mencapai 4-5 jam jika keadaan jalan raya teruk akibat hujan berterusan. Namun, ianya hanya mengambil masa 2 jam 30 minit jika cuaca baik dalam beberapa hari. Pemendekan masa perjalanan ini juga sejak jalan raya utama dari Tandek ke kawasan Sonsogon dalam proses naiktaraf.

Oleh itu, kenderaan pacuan empat roda (4WD) jenis safari diperlukan memandangkan keadaan jalan masih berdepan dengan risiko licin, laluan berbukit, berlumpur dan tidak berturap. Kami sendiri pernah mengalami pengelaman getir apabila kenderaan tergelincir, terpaksa menyeberangi sungai yang dalam dan ketiadaan liputan telefon sepanjang perjalanan.

Di kawasan sekolah dan kampung berdekatan juga tidak mempunyai tempat tinggal khas seperti homestay. Oleh itu, kami hanya menumpang di bangunan sekolah dengan mengunakan khemah. Hanya di kawasan sekolah mempunyai bekalan air, elektrik (hidbrid solar) dan internet tetapi bekalan selalunya tidak cukup dan stabil. Namun jauh lebih baik berbanding di kawasan kampung berdekatan.

Pembelajaran dan Kehidupan Murid

Majoriti pelajar sekolah ini terdiri berasal dari kawasan Sonsogon seperti kampung Sonsogon Magandai, Sonsogon Suyad, Monggis, Sungai Magandai, dan Paliu. Jarak rumah pelajar ke sekolah adalah jauh dan tidak mempunyai kenderaan. Oleh itu, hampir kesemua mereka tinggal di asrama yang disediakan. Seawal usia 7 tahun, mereka telah terpisah dengan ibubapa untuk menuntut ilmu yang

diyakini dapat mengubah status kehidupan mereka yang susah pada masa kini.

Pengorbanan para guru dapat dilihat bukan sahaja sanggup mencurah bakti di kawasan terpencil yang serba kekurangan dan mencabar. Malah mereka memainkan peranan sebagai ibubapa kepada pelajar-pelajar yang tinggal di asrama. Ianya memastikan semua pelajar dapat menjalani sesi pembelajaran dengan selesa dan sentiasa bersemangat untuk belajar.

Hasil didikan guru-guru berdedikasi, saya dapati pelajar-pelajar di sana mempunyai budi pekerti yang tinggi. Sentiasa menghormati guru-guru mereka bahkan dengan orang luar yang datang melawat seperti saya. Mulut mereka sentiasa mengucapkan salam jika berselisih dan senyuman manis sentiasa meniti bibir mereka.

Pelajar-pelajar ini juga nampak sihat dan cergas kerana setiap petang, mereka akan menjalani aktiviti riadah pada waktu petang di kawasan padang berdekatan. Ditambah dengan kawasan sekolah yang masih dikelilingi hutan hijau, membekal udara yang segar dan nyaman. Pelajar-pelajar juga bebas daripada ketagihan gajet, saling berkomunikasi dan berdikari walaupun berjauhan daripada ibu bapa. Interaksi ini membolehkan kami belajar secara tidak langsung daripada mereka, selain memberi ilmu profesional.

Sumbangan Program dan Impak Terhadap SDG

Program ini menyokong SDG 4: Pendidikan Berkualiti dengan memastikan murid di kawasan terpencil memperoleh akses kepada literasi digital, kemahiran IT dan pengalaman pembelajaran moden yang setanding dengan sekolah bandar. Murid mampu menghasilkan slaid PowerPoint, membentangkan hasil kerja dan meningkatkan keyakinan diri.

Selain itu, projek ini menyokong SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan dengan merapatkan jurang peluang pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar. Dengan menyediakan akses teknologi, latihan profesional dan bimbingan intensif, projek ini memberi peluang yang sama kepada anak-anak pedalaman untuk berkembang, bersaing dan berdikari. Program ini juga membina kesedaran komuniti terhadap kepentingan pendidikan digital, memupuk nilai positif seperti disiplin, kerjasama dan budi pekerti dalam kalangan murid.

Refleksi

Selama beberapa bulan menjalankan projek ini, bukan sahaja memberi impak kepada murid-murid, malah merealisasikan hasrat lama sejak 2016 dan mengubah cara saya dan kumpulan melihat pendidikan dan pengorbanan. Pendidikan adalah perjalanan dua hala; kami membawa ilmu profesional, namun turut belajar daripada ketabahan, kesederhanaan dan budi pekerti murid serta komuniti. Walaupun hidup dalam kesederhanaan dan jauh daripada kemudahan bandar, mereka menunjukkan rasa hormat, disiplin, kerjasama dan semangat belajar yang tinggi.

Pengalaman ini menegaskan bahawa jurang digital bukan sekadar isu teknologi, tetapi isu keadilan sosial. Apabila peluang diberikan, anak-anak pedalaman mampu berkembang dengan keyakinan sendiri. Dari pedalaman SK Magandai, lahir harapan bahawa dengan sokongan, keberanian dan peluang yang berterusan, setiap anak boleh bersinar, dan perubahan bermakna sentiasa mungkin berlaku.

Terima kasih APPGM-SDG atas peluang dan kepercayaan kepada pihak kami untuk menjalankan projek ini dan para guru-guru dan pelajar-pelajar sangat menghargainya.

Oleh Lailah Chung Foh Sin
(Penyelidik dari IDS)

3 ENAM TAHUN TRANSFORMASI: PERJALANAN RAKAN SOLUSI DI KAMPUNG ULU BENUT

Ketika pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia, semua aktiviti menjadi lumpuh. Malaysia tidak terkecuali. Selepas perintah berkurung dilonggarkan sedikit, maka beberapa aktiviti telah boleh mula dilaksanakan secara berperingkat. Maka, pada awal tahun 2020, ada sekumpulan NGO yang memperkenalkan dirinya sebagai APPGM-SDG telah dibawa oleh Ahli Parlimen kami iaitu Dr. Maszlee Malik ke kampung kami.

Masyarakat kampung berasa teruja dengan kehadiran mereka dan kami menyambutnya dengan membuat kenduri. Tujuan kedatangan mereka adalah untuk membuat pemetaan isu di Parlimen Simpang Renggam. Sebanyak lima pertubuhan yang berada di Simpang Renggam akan melaksanakan projek yang dibawa oleh APPGM-SDG mengikut SDG 17 yang menjadi agendanya. Kampung Ulu Benut kami terpilih di antara lima pertubuhan itu adalah kerana wujudnya Koperasi Keluarga Montamah Paiman Johor Berhad yang berjaya memulihkan pencemaran air sungai Ulu Benut yang terlalu teruk. Pemulihan pencemaran ini dilaksanakan bersama agensi-agensi kerajaan, swasta, Ahli Parlimen dan penduduk kampung itu sendiri setelah sekian lama berjuang.

Projek Montamah Paiman yang pertama adalah membaik pulih air dan pesisir sungai bagi dijadikan kawasan riadah telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh kurang setahun. Ini menyebabkan pihak APPGM-SDG memberikan projek yang kedua iaitu menjana ekonomi penduduk. Projek ini juga dapat diselesaikan kurang dari setahun di mana empat buah kedai jualan makanan dan hasil kampung berjaya disiapkan. Perniagaan ini berjaya membantu seramai 10 orang peserta.

Atas kejayaan ini, kami mengambil pendekatan menubuhkan Koperasi Komuniti Kampung Ulu Benut Berhad pula. Tujuannya bagi memberikan manfaat untuk seluruh kampung. Dengan wujudnya koperasi ini, kami cuba memohon dana dari APPGM-SDG atas kapasiti keselamatan makanan melalui geran Kebun Komuniti. Permohonan diluluskan, maka bermulalah projek ketiga iaitu penanaman cili dan terung secara fertigasi. Projek ini memberikan manfaat kepada 10 orang peserta dan ia dilaksanakan kurang daripada setahun.

Setelah ketiga-tiga projek ini berjaya dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan, pihak APPGM-SDG memberikan kepercayaan kepada Koperasi Montamah Paiman untuk melaksanakan program Kejiranan pula yang mana merangkumi lima program yang meliputi kanak-kanak, dewasa, keluarga, ekonomi dan kejiranan. Maka terlaksanalah projek yang keempat dalam tempoh setahun ini. Projek ini mengguna pakai pertubuhan Kebajikan Penggerak Amanah Simpang Renggam yang mana saya juga adalah ahli jawatankuasanya.

Atas kejayaan projek ini, maka pihak APPGM-SDG melantik Koperasi Montamah Paiman melaksanakan program *Building Inclusive Community* (BIC) pula. Maka bermulalah projek kelima bersama APPGM-SDG. Projek BIC ini kami laksanakan selama dua hari, iaitu berjaya mengumpulkan sejumlah peserta dari kalangan ahli-ahli politik aktif di hari pertama dan ahli koperasi-koperasi lain di hari kedua.

Setelah Koperasi Kampung Ulu Benut berjaya memohon tanah Kementerian Kesihatan seluas tiga ekar, maka koperasi memohon geran kebun komuniti bagi projek penanaman tebu telur. Permohonan diluluskan, maka bermulalah projek keenam bersama APPGM-SDG. Projek ini berjaya dimanfaatkan oleh seramai 10 orang peserta dan dapat dilaksanakan dalam tempoh kurang setahun.

Hasil kejayaan projek BIC yang pertama tahun yang lalu, maka projek BIC kedua telah dipohon yang mana mensasarkan kakitangan pejabat kesihatan. Projek ketujuh bersama APPGM-SDG pun bermula, iaitu selama tempoh satu hari sahaja.

Kepercayaan yang diberikan oleh APPGM-SDG kepada saya untuk melaksanakan projek berikutnya diambil tanggungjawab oleh saya. Maka projek kelapan dilaksanakan bersama Koperasi Kampung Ulu Benut. Projek ini adalah pemasaran hasil tebu yang mana koperasi berjaya membuat lima buah kedai dan ia berkolaborasi bersama peserta. Projek ini juga berjaya dilaksanakan kurang daripada setahun.

Tahun 2026 adalah tahun keenam saya bersama APPGM-SDG yang mana saya membawa bersama Koperasi Montamah Paiman, Koperasi Ulu Benut, Pertubuhan Amanah dan Kariah Masjid Ulu Benut. Tahun ini juga dilaksanakan projek kesembilan bersama APPGM-SDG iaitu projek Kejiranan yang mana merangkumi program kanak-kanak belia, keluarga, kepimpinan, Rancangan Malaysia ke-13 dan kewarganegaraan. Projek ini sedang berlangsung dan telah terlaksana sebanyak dua program iaitu keluarga dan kanak-kanak belia.

Sepanjang tempoh pelaksanaan projek-projek ini, sudah pastinya mempunyai cabaran dan rintangan. Semua permasalahan itu ditangani dengan sebaik mungkin supaya semua peserta dan mereka yang terlibat mendapat manfaat yang diinginkan oleh APPGM-SDG.

Dengan ini saya, Muhammad Halizi bin Paiman, sebagai Rakan Solusi berbesar hati dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala kepercayaan APPGM-SDG melaksanakan segala projek bersama saya. Saya sentiasa sudi berkhidmat untuk masyarakat. Terima kasih.

Oleh Muhammad Halizi bin Paiman
(Rakan Solusi APPGM-SDG)

4 05 JAN 2026

PENGALAMAN DALAM PENEMPATAN SDG, PENCAPAIAN & CABARAN MASA LALU

Pada 5 Januari 2026, APPGM-SDG telah menganjurkan Siri Dialo Khas Tahun Baru yang menampilkan Dr. Selva Ramachandran, Bekas Wakil Residen UNDP di Filipina. Sesi tersebut memberikan retrospektif menyeluruh mengenai peralihan daripada Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), serta menganalisis trend kritikal di Malaysia dan Filipina. Tatkala kita melangkah ke fasa akhir menuju 2030, dialog ini melambangkan refleksi terhadap pencapaian dan cabaran masa lalu, di samping menekankan keperluan mendesak untuk bertindak bagi fasa seterusnya dari 2026 hingga 2030.

Tunjang utama perbincangan ini adalah keperluan Penempatan SDG. Dr. Ramachandran menekankan bahawa walaupun matlamat ditetapkan di peringkat global, kejayaannya ditentukan oleh pelaksanaan di peringkat tempatan. Beliau memetik proses Semakan Tempatan Sukarela (VLR) sebagai contoh utama bagaimana pihak berkuasa tempatan boleh memantau kemajuan dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap data pembangunan mereka. Sebagai contoh, di Filipina, VLR digunakan untuk memperkukuh kapasiti negara tersebut dalam menyesuaikan diri dengan perubahan iklim dan mengurus risiko bencana di 10 wilayah yang paling terdedah kepada bencana.

Dr. Ramachandran berkongsi sepuluh refleksi kritikal untuk tindakan masa hadapan, bermula dengan realiti bahawa dunia adalah sebuah "perkampungan global" di mana tindakan tempatan akan memberikan kesan di peringkat global. Beliau percaya bahawa tempoh lima tahun akan datang mesti memberi tumpuan kepada peralihan daripada projek rintis berskala kecil kepada peningkatan skala secara besar-besaran, yang disokong oleh pembiayaan domestik berbanding hanya bergantung kepada bantuan luar. Inti utama kepada usaha peningkatan skala ini adalah prinsip Ekuiti — bagi memastikan kumpulan rentan diberi keutamaan untuk "tiada siapa yang tertinggal".

Dialog tersebut juga menekankan peranan penting SDG 5 (Kesaksamaan Jantina), SDG 13 (Tindakan Iklim), dan SDG 16 (Keamanan, Keadilan, dan Institusi yang Kuat) sebagai asas kepada masyarakat yang stabil. Dr. Ramachandran menyatakan bahawa tadbir urus yang baik adalah enjin utama pembangunan, dan apabila digabungkan dengan inovasi serta teknologi baharu, ia mampu mengatasi halangan tradisi terhadap kemajuan. Beliau mengakhiri sesi dengan mengingatkan para hadirin bahawa disebalik rintangan logistik dan kewangan yang mendatang, "tiada masa depan tanpa harapan." Harapan ini kini mesti diterjemahkan kepada keberanian untuk melaksanakan perubahan yang berani dan inklusif di seluruh rantau ini.

Oleh Hirzawati Atikah Mohd Tahir
(Unit Komunikasi Korporat, APPGM-SDG)

5 06 - 08 JAN 2026

BENGKEL PENYELIDIKAN CCD APPGM-SDG

Dari 6 hingga 8 Januari 2026, Jabatan Peneyelarasan Kawasan Parlimen (CCD) telah mengadakan Bengkel Penyelidikan di Ruang Komuniti MySDG, yang berfungsi sebagai forum bagi penyelidik terhadap penempatan SDG di kawasan-kawasan parlimen. Dato' Sri Mustapa Mohamed, penasihat kepada Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari, telah menyampaikan ucapan pembukaan manakala Puan Nur Rahmah Othman menyampaikan ucapan penutup.

Salah satu sesi menampilkan tetamu jemputan, Dr. Sharifah Nursyahidah (Ketua Program Sains Politik, UKM), yang membentangkan tajuk Analisis Sosial dalam Penyelidikan. Para peserta meneroka cara untuk melangkaui masalah individu bagi mengenal pasti isu struktur dalam komuniti. Intipati utama sesi tersebut adalah peralihan daripada konsep idea kepada analisis kritikal sambil membina hubungan (rapport) dan mengekalkan empati terhadap kumpulan terpinggir. Beliau menekankan bahawa kita harus mempertimbangkan bacaan atau penulisan yang menggambarkan realisme sosial bagi mempertingkatkan pemikiran kritis dan kualiti penulisan dalam penyelidikan kita.

Bengkel tersebut mengalihkan fokus penyelidikan daripada pusat ke pinggiran melalui pembentangan oleh Raine Melissa Riman dari perspektif Sarawak. Peralihan ini bukan sekadar mengenai lokasi, tetapi mengenai cara berfikir yang mengangkat maruah dan keterangkuman golongan yang sering diabaikan oleh agenda nasional. Bersikap inklusif merupakan elemen penting dalam penyelidikan — iaitu bagaimana kita membayangkan siapa yang menjadi sebahagian daripada kita dan siapa yang tidak.

McJeanet Lempisik menekankan keperluan untuk penyelidikan yang berpaksikan konteks tempatan, terutamanya dari perspektif Sabah. Apabila dasar nasional bertembung dengan realiti tempatan, kejayaannya bergantung kepada pemahaman terhadap konteks tempatan dan struktur tadbir urus. Selain itu, Dr. Teo Sue Ann turut menunjukkan jurang khusus dalam rancangan pembangunan semasa, seperti pengecualian komuniti pulau kecil dan keperluan pendidikan kanak-kanak tanpa dokumen.

Dr. Khairil Ahmad dan pakar-pakar lain menegaskan bahawa data empirikal mesti menjadi asas kepada penggubalan dasar berasaskan bukti. Dengan mengenal pasti punca akar (root causes) dan bukannya sekadar punca terdekat (proximate causes), penyelidik boleh menyokong reformasi yang bertepatan dengan realiti di lapangan. Bengkel diakhiri dengan visi baharu bagi penempatan SDG: komitmen untuk terus melangkah meskipun berhadapan dengan cabaran logistik, bagi memastikan setiap penemuan penyelidikan menyumbang kepada masa depan yang lebih saksama dan inklusif bagi seluruh komuniti di Malaysia.

Oleh Hirzawati Atikah Mohd Tahir
(Unit Komunikasi Korporat, APPGM-SDG)

6 19 - 21 JAN 2026

WAJAH-WAJAH KEMISKINAN: REFLEKSI & DAPATAN DARIPADA KAJIAN MPI

Dengan Kerjasama: YAYASAN HASANAH

Program Wajah-Wajah Kemiskinan (*Faces of Poverty*) merupakan sebuah program tiga hari yang berlangsung dari 19 hingga 21 Januari, dianjurkan oleh Jabatan Solusi Dasar sebahagian daripada Inisiatif Intervensi Dasar Peringkat Daerah, hasil usaha sama yang dibiayai oleh Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan (MOF). Program ini meneliti dapatan kajian kemiskinan berasaskan Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) yang dijalankan di 55 kawasan Parlimen melibatkan 2,750 isi rumah di seluruh negara.

Matlamat program ini adalah untuk memperkukuh pemahaman terhadap kemiskinan multidimensi dengan menghubungkan dapatan kajian kepada maklumat dan pemerhatian daripada kerja lapangan. Sepanjang tiga hari penganjuran, para peserta membincangkan kerangka MPI merangkumi lima dimensi utama iaitu pendidikan, kesihatan, taraf hidup, perlindungan sosial, serta kesepaduan dan keselamatan sosial. Kesemua indikator di bawah dimensi ini telah dikupas dan diteliti dengan mengambil kira dapatan kuantitatif serta pengalaman hidup, pemerhatian kontekstual, dan naratif tempatan hasil interaksi langsung dengan komuniti setempat.

Seramai 47 daripada 55 penyelaras tempatan yang menjalankan kajian MPI telah menghadiri program ini, bersama Ketua Wilayah atau Zon serta Pegawai Dasar Wilayah. Penglibatan mereka memastikan perbincangan berasaskan pengalaman sebenar di lapangan serta membolehkan perkongsian pembelajaran rentas wilayah dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap variasi kemiskinan di peringkat daerah.

Program ini diperkukuh dan disokong dengan kehadiran pakar MPI iaitu Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Ketua Sekretariat APPGM-SDG; Dr Usha Kanagaratnam, perunding kepada OPHI dan UNDP; Puan Raja Nor Dianna, Ketua Perhubungan Strategik, Yayasan Hasanah; Encik Siva, penyelidik bebas; dan Dr. Teo Sue Ann, Pengarah Jabatan Advokasi Dasar. Sumbangan mereka membantu meletakkan dapatan tempatan dalam konteks metodologi dan dasar yang lebih luas.

Dapatan dan refleksi program ini akan dimasukkan ke dalam laporan individu setiap kawasan Parlimen untuk ditambah baik, sebelum digabungkan dalam satu laporan akhir yang akan menilai secara kritikal semua dimensi dan indikator MPI serta kesesuaiannya dalam mencerminkan realiti setempat dan keperluan dasar.

Oleh Dr. Wan Asiah Nurjannah Wan Ahmad Tajuddin
(Jabatan Solusi Dasar, APPGM-SDG)

7 29 JAN 2026

MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG) MELALUI LENSA AGAMA

Dialog Antara Agama untuk Akar Umbi dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) telah dianjurkan melalui kolaborasi antara APPGM-SDG dan Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz (UAC), Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya (UM). Acara tersebut telah diadakan di Hotel Armada, Petaling Jaya.

Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Dato' Sri Mustapa Mohamed, yang berkongsi refleksi pengalaman beliau melibatkan universiti awam dan swasta dalam inisiatif dialog antara agama. Beliau menekankan bahawa SDG memperjuangkan dasar yang penuh ihsan dan inklusif, seperti pembasmian kemiskinan dan penambahbaikan perkhidmatan kesihatan di mana prinsip-prinsip SDG ini juga dicerminkan dalam nilai-nilai murni yang dikongsi merentas semua kepercayaan.

Sesi ini diteruskan dengan ucapan kontekstual oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, yang mengetengahkan agama sebagai pemangkin yang hebat untuk penglibatan komuniti. Beliau menekankan bahawa kepercayaan memotivasikan individu untuk mencari perubahan yang bermakna serta memupuk dorongan dalaman dan komitmen untuk menyokong komuniti yang kurang bernasib baik.

Bagi memberikan kerangka konseptual yang lebih luas, ucaptama telah disampaikan oleh Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli. Beliau menghuraikan konsep Sejahtera. Konsep ini menekankan kepentingan keseimbangan dalaman dan keharmonian sebagai asas kepada kesejahteraan holistik. Mengakui kepentingan pertumbuhan ekonomi untuk pembangunan negara, beliau menegaskan bahawa

perhatian yang sama mesti diberikan kepada kesejahteraan rakyat. Beliau menyatakan bahawa bagi mencapai matlamat ini, komitmen yang sedar terhadap keseimbangan rohani adalah diperlukan, iaitu satu nilai yang bergema merentas semua agama dalam memenuhi aspirasi SDG.

Program diteruskan dengan sesi perbincangan panel yang dikendalikan oleh Dr. Teo Sue Ann, Pengarah Jabatan Advokasi Dasar Parlimen, APPGM-SDG. Panel tersebut menampilkan Prof. Madya Dr. Mohd Khairul Naim Che Nordin dari Jabatan Usuluddin dan Dakwah, Akademi Pengajian Islam; Encik Surain Kanda, Pengarah Sri Murugan Centre; Cik Jasmine Adaickalam, Presiden Ann's Cottage; dan Cik Ho Wan Chin, Pesuruhjaya Yayasan Tzu Chi. Perbincangan tersebut memberi tumpuan kepada mengenal pasti titik persamaan merentas perspektif agama; Islam, Hindu, Kristian, dan Buddha, dalam memajukan SDG. Ahli panel berkongsi bagaimana nilai-nilai berasaskan kepercayaan membentuk inisiatif akar umbi dan menggalakkan tindakan kolektif, terutamanya dalam mendekati dan memperkasakan komuniti akar umbi.

Oleh Lydia Ann Bill
(Jabatan Advokasi Dasar Parlimen, APPGM-SDG)

8 29 JAN 2026

PELANCARAN KERTAS KAJIAN PROGRAM 'CASE STUDY SMALL GRANTS (CSSG) FOR YOUNG RESEARCHERS'

Pada 29 Januari 2026, Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial (MySDG-CSI) telah telah melangsungkan majlis pelancaran lapan kertas kajian daripada Program *Case Study Small Grants (CSSG) for Young Researchers* yang julung kalinya ditawarkan pada tahun 2025. Kertas-kertas tersebut telah diterbitkan secara individu dalam bentuk buku dan merangkumi topik seperti pemuliharaan alam sekitar, keterjaminan makanan, pendidikan Orang Asli dan pelarian, penuaan, penyisihan komuniti dan kejiranan, serta trauma seksual.

Majlis pelancaran ini telah menampilkan ucapan oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria (Ketua Sekretariat, APPGM-SDG), Prof. Emeritus Dato' Dr. Rashila Ramli (Profesor Felo, Universiti Poly-Tech Malaysia), dan Dr. Khairil Ahmad (Pengarah, MySDG-CSI). Majlis turut menampilkan pembentangan oleh kesemua penerima geran.

Seiring dengan momentum pelancaran ini, Dr. Khairil turut mengumumkan pembukaan permohonan geran CSSG bagi pusingan 2026.

Kertas kajian yang telah dilancarkan adalah seperti berikut:

1. *Development, Displacement and Democracy: The Place of Eviction Protests in Malaysia* oleh Jeremy Lim Jiang Shen
2. *Understanding Indigenous Conservation Behaviour and Livelihoods in Kinabalu Unesco Global Geopark* oleh Mohd Shafiq Hassan
3. *Education Access Among Rohingya Women in Malaysia: Challenges and Opportunities* oleh Nur Nadia Lukmanulhakim
4. *Co-Designing Culturally Responsive Digital Solutions for Inclusive Education: A Qualitative Case Study Among Orang Asli Communities in Selangor* oleh Chung Jia Yiing
5. *Developing Culturally Relevant Reminiscence Therapy Materials for Malaysian Older Adults* oleh Thirresh Guna Sekaran
6. *Padi Huma and Padi Organik in Sik, Kedah: A Case Study in Food Sovereignty and Bottom-Up Food Security* oleh Ku Nurasyiqin Ku Amir
7. *Through Their Eyes: Understanding Malaysian Indian Women's Experiences of Sexual Trauma* oleh Shivakaaminii
8. *Contextualising Orang Asli Education in Malaysia: A Case Study of Pos Kemar, Perak* oleh Abdullah Nishad

Muat Turun Kertas:

Oleh Abdullah Nishad
(Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial)

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Parlimen di atas kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bahagi. Sepanjang bulan ini, APPGM-SDG telah berpeluang untuk mengadakan sesi libat urus di pelbagai kawasan parlimen melalui pelbagai mesyuarat seperti mesyuarat awalan, penyerahan rasmi Laporan Awal Intervensi Dasar (kolaborasi antara Yayasan Hasanah dan APPGM-SDG), dan banyak lagi. Kejayaan ini dicapai hasil daripada usaha dedikasi antara Ahli-ahli Parlimen dan APPGM-SDG. Kami amat menghargai sinergi antara dasar dan tindakan akar umbi ini, dan kami berharap dapat terus memperkukuh kerjasama ini demi memajukan Matlamat Pembangunan Mampan di seluruh Malaysia.

Terima kasih

YB Tuan Chiew Choon Man

Timbalan Menteri
Pelancongan, Seni dan Budaya

YB Tuan Mordi Bimol

Timbalan Menteri
Belia dan Sukan

YB Senator Datin Hajah Ros Suryati Alang

Tamat Tempoh Perkhidmatan
bersama APPGM-SDG

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Tuan Chiew Choon Man, YB Tuan Mordi Bimol dan YB Senator Datin Hajah Ros Suryati Alang atas kepimpinan yang berdedikasi sepanjang menganggotai jawatankuasa APPGM-SDG. Sempena berakhirnya tempoh perkhidmatan YB Senator Datin Hajah Ros Suryati, serta pelantikan YB Tuan Chiew dan YB Tuan Mordi sebagai Timbalan Menteri Malaysia, kami mendoakan agar mereka semua terus beroleh kejayaan dalam segala usaha pada masa hadapan.

Tahniah

YB Puan Hajah Rodziah Ismail

Ahli Parlimen Ampang

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew

Ahli Parlimen Sibu

Kami dengan sukacitanya mengalu-alukan pelantikan YB Puan Hajah Rodziah Ismail dan YB Tuan Oscar Ling Chai Yew sebagai ahli jawatankuasa APPGM-SDG yang baharu. Kami amat mengalu-alukan kepimpinan dan kolaborasi mereka dalam memajukan Matlamat Pembangunan Mampan di Malaysia.

Mahukan kisah lapangan anda muncul dalam buletin kami? Jom kongsi cerita anda sekarang.

APPGM-SDG

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)

A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

https://appgm-sdg.com/